

**MUHAMAD TAKIYUDDIN** Ismail  
**MUHAMAD NADZRI** Mohamed Noor  
Universiti Kebangsaan Malaysia

## REVOLUSI SENYAP 9 MEI 2018

### *THE SILENT REVOLUTION OF 9<sup>TH</sup> MAY 2018*

#### **Pengenalan**

Rusuhan kaum 1969 sering dijadikan momokan mengenai kesan yang boleh berlaku jika jatuhnya kuasa Melayu (dibaca: UMNO) atau jika kaum bukan Melayu melakukan tuntutan yang keterlaluan. Pemaotan terhadap rusuhan kaum berdarah yang berlaku hampir 50 tahun sebelum itu merupakan strategi politik ketakutan yang paling kerap digunakan oleh UMNO dan pertubuhan konservatif Melayu.<sup>1</sup> Namun mitos ini berakhir pada 9 Mei 2018 apabila majoriti rakyat Malaysia seakan-akan mengucapkan selamat tinggal pada 13 Mei 1969 dan memilih satu tarikh ikonik yang baru. Sejumlah 5.6 juta pengundi yang memberikan undi kepada Pakatan Harapan (PH) berjaya mengeluarkan rejim BN dari kerusi kekuasaan yang dipegang selama 61 tahun.

Sejak Pilihan Raya Umum Ke-12 (PRU-12), metafora “tsunami” sering digunakan bagi membayangkan kegemparan dan perubahan mengejut yang mengambil tempatnya – sama ada sebagai “tsunami politik” (kehilangan majoriti dua pertiga BN dalam PRU-12), “tsunami Cina (kehilangan undi popular BN dalam PRU-13) dan ramalan mengenai “tsunami Melayu” dalam PRU-14. Biarpun “tsunami Melayu” tidak berlaku dalam PRU-14 apabila PH hanya berjaya menarik sejumlah 30% undi orang Melayu, ia sudah mencukupi untuk menghasilkan apa yang kini dianggap sebagai “tsunami rakyat”. Luke Hunt, kolumnis laman berpengaruh *The Diplomat* menyifatkannya PRU-14 sebagai “pilihan raya gempa bumi”.<sup>2</sup> Joceline Tan, kolumnis takhbar *The Star* pula menganggapnya sebagai “*the night the earth moved*”.<sup>3</sup> Namun analogi dan perbandingan ini menyarankan perubahan yang kacau dan destruktif. Artikel pengenalan ini dengan itu menghujahkan bahawa keputusan PRU-14 lebih sesuai dianggap sebagai satu revolusi senyap – tambahan dari beberapa gambaran seumpamanya yang telah diberikan oleh aktivis dan penganalisis seperti “revolusi menerusi peti undi” (Ambiga Sreenevasan)<sup>4</sup> dan “revolusi rakyat” (Zin Mahmud).<sup>5</sup> Terdapat beberapa sebab mengapa revolusi senyap lebih sesuai dijadikan tema dalam menggambarkan kejutan PRU-14.

Pertama, berbeza dengan negara-negara serantau seperti Korea Selatan, Filipina dan Indonesia yang melalui pertukaran rejim dalam kaedah kekerasan dan melibatkan pertumpahan darah, rakyat Malaysia menggunakan sepenuhnya saluran peti undi dalam usaha mengeluarkan sebuah rejim yang dianggap ramai sebagai rejim kleptokrasi. Prospek terhadap peralihan kuasa

di Malaysia sememangnya suram dan tidak ramai penganalisis bersikap optimistik terhadap pertukaran rejim menerusi sebuah sistem yang dibayangi oleh menu manipulasi.<sup>6</sup> Rejim semi-autoritarian BN bukan sahaja berjaya menonjolkan diri mereka sebagai tonggak kestabilan,<sup>7</sup> tetapi juga turut dibantu oleh kelemahan pakatan kepembangkangan yang tidak berjaya mengenakan cabaran yang signifikan.<sup>8</sup> Justeru, PRU-14 banyak dianggap sebagai peluang terakhir oleh pemerhati dan tokoh politik bagi menumbangkan rejim BN.<sup>9</sup> Revolusi Senyap juga ditunjukkan dengan melihat kepada kematangan rakyat Malaysia dalam menggunakan kuasa sebagai pengundi dan meraikan peralihan kuasa yang berlaku. Majoriti mereka seakan-akan tidak bersetuju dengan teori pertukaran rejim melalui jalan raya yang dianjurkan secara berterusan oleh aktivis popular seperti Hishamuddin Rais.<sup>10</sup> Lenyap adalah ramalan bahawa akan berlakunya kekacauan dan perarakan ganas jika berlakunya peralihan kuasa. Jika sebelumnya, analogi kekacauan pasca Arab Spring dijadikan sandaran oleh pendukung rejim BN – termasuklah Najib yang mengemukakan hipotesis yang sama sehari sebelum PRU-14<sup>11</sup> - rakyat Malaysia membuktikan pada masyarakat antarabangsa bahawa mereka boleh melakukan pertukaran kuasa secara aman dan teratur.<sup>12</sup> Janet Steele, sarjana media Indonesia yang pernah menyaksikan keganasan Revolusi Mei 1998 di Indonesia turut menyangka bahawa pertukaran kuasa di Malaysia akan disusuli dengan keganasan dan campurtangan tentera. Namun beliau begitu terkejut kerana semua itu tidak berlaku.<sup>13</sup>

Kedua, ramalan umum penganalisis, pemerhati dan badan pungutan suara tidak banyak meletakkan harapan yang PRU-14 akan menghasilkan kejutan sebesar pertukaran rejim. Majalah berpengaruh antarabangsa, *The Economist* meramalkan BN akan dikembalikan sebagai pemerintah.<sup>14</sup> Merdeka Centre, badan pungutan suara yang paling berautoritatif turut menjangkakan hipotesis yang sama.<sup>15</sup> Walaupun persaingan sengit sememangnya diramalkan akan berlaku di negeri-negeri seperti Johor, Kedah dan Sabah, peluang PH tetap menerima berbagai penyederhanaan. Hanya dua pihak yang diketahui meramal bahawa akan berlakunya peralihan kuasa dalam PRU-14. Pertama ialah INVOKE, iaitu badan pungutan suara yang diketuai oleh Naib Presiden Parti Keadilan Rakyat (PKR), Rafizi Ramli.<sup>16</sup> Pihak kedua yang direkodkan ada membuat ramalan yang serupa ialah ahli akademik dan saintis politik Universiti Islam Antarabangsa (UIA), Marzuki Mohamad.<sup>17</sup> Kerana kapasiti INVOKE, tidak ramai yang memberikan perhatian terhadap ramalan yang hanya disifatkan hanya sebagai usaha perang saraf. Begitu juga ramalan Marzuki yang merupakan bekas Pegawai Khas kepada Muhyiddin Yassin, bekas Timbalan Perdana Menteri Malaysia yang dipecat oleh Najib pada 2016 dan merupakan Presiden kepada Parti Pribumi Bersatu Malaysia (PPBM). Skeptisisme penganalisis terhadap kemampuan PH merampas Putrajaya tidak juga mengejutkan kerana di atas kertas, BN mempunyai kelebihan menerusi manipulasi persempadanan semula yang diluluskan tidak lama sebelum

itu dan juga pertandingan tiga penjuar yang disumbangkan oleh PAS yang telah keluar dari Pakatan pada 2015. Suasana kempen di lapangan secara umumnya juga tidak menunjukkan tanda-tanda akan berlangsungnya kejutan besar apabila kempen di beberapa tempat didapati agak lesu.<sup>18</sup> Justeru, tidak menghairankan apabila seorang penganalisis kewangan antarabangsa, Aninda Mitra menganggap keputusan PRU-14 menyamai kejutan yang berlaku dalam pemilihan Presiden Donald Trump sebagai Presiden Amerika Syarikat dan juga peristiwa Brexit pada penghujung 2016.<sup>19</sup>

Turut gugur sebagai strategi pelencongan yang penting ialah ramalan bahawa pertukaran rejim akan berlaku dengan dorongan kuasa luar khususnya dengan penyaluran bantuan demokrasi kepada organisasi masyarakat sivil Malaysia. Sejak 2011 hingga 2016, isu bantuan demokrasi menjadi polemik yang tidak berkesudahan apabila beberapa organisasi masyarakat sivil didakwa menjalankan “plot bagi menyahstabilkan kerajaan”. Ketika polemik ini berlangsung, naratif “revolusi” dan “pertukaran rejim” digunakan secara konsisten oleh rejim BN, media dan pengkritik bagi menggambarkan hasil akhir yang cuba dicapai menerusi bantuan demokrasi yang disalurkan. Kemuncak kepada polemik isu ini ialah apabila pemimpin Gabungan Pilihan Raya Bersih dan Adil (BERSIH), Maria Chin ditahan di bawah Akta Kesalahan Keselamatan (Langkah-langkah Khas) SOSMA pada November 2016 berikutan dakwaan menerima dana dari Open Society Foundations (OSF) bagi menjalankan aktiviti tidak demokratik. Dalam Perhimpunan Agung UMNO yang dijalankan pada bulan yang sama, Menteri Dalam Negeri yang turut merupakan Timbalan Presiden UMNO ketika itu, Zahid Hamidi menegaskan yang kerajaan telah menubuhkan pasukan khas untuk memantau dan menyiasat organisasi yang mungkin mecetuskan revolusi kuning di Malaysia seperti Suara Rakyat Malaysia (SUARAM), Gabungan Pilihan Raya Bersih dan Adil (BERSIH), Majlis Peguam, *Malaysiakini* and *Sarawak Report*.<sup>20</sup> Namun dengan keputusan PRU-14, majoriti rakyat Malaysia menghantar mesej bahawa revolusi tidak semestinya disinonimkan dengan sesuatu yang ganas tetapi juga boleh dilakukan secara aman, tidak kelihatan dan tanpa sebarang bantuan pihak luar.

Namun revolusi senyap ini tidak hanya berlaku dalam konteks pertukaran rejim kerajaan persekutuan. Turut boleh dilihat sebagai sebuah revolusi senyap ialah kejayaan PAS mengekalkan Kelantan dan merampas kembali Terengganu yang kali terakhir dimenangi pada 1999. Kejayaan PAS merupakan sesuatu yang diluar dugaan apabila ramai penganalisis melihat PAS akan kalah teruk atau kehilangan lebih banyak kerusi berikutan keluarnya parti Islam itu dari pakatan kepembangkangan dan juga pendekatan kepimpinan tertingginya yang mesra-UMNO. Selain itu, isu-isu kepimpinan PAS di Kelantan juga turut merebakkan tanggapan bahawa peluang bagi BN merampas semula negeri tersebut sejak 30 tahun yang lepas adalah cerah. Namun, tidak sekadar merampas Terengganu, PAS turut hampir memenangi Kedah dan hanya kalah kepada PH dengan majoriti tiga kerusi.

## Ibu Segala Kekalahan: Analisis Umum Keputusan PRU-14

PRU-13 pada 2013 seringkali dianggap ibu kepada segala pilihan raya. Kerana kesengitan yang lebih membahang, penganalisis seakan-akan buntu mencari tema bagi menggambarkan persaingan PRU-14 dan sekali lagi menggunakan tema yang sama. Namun deskripsi yang lebih tepat barangkali diberikan oleh seorang wartawan veteran, Thor Kan Hoong yang menyifatkan PRU-14 sebagai ibu segala kekalahan (buat BN).<sup>21</sup> Seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 1, sebanyak 222 kerusi Parlimen dipertandingkan dalam PRU-14 dengan jumlah pengundi berdaftar seramai 14.9 juta. Begitu pun, anggaran tidak rasmi menunjukkan hanya 12.3 juta membuang undi mereka dalam PRU yang berlangsung selama sebelas hari itu. PH yang diketuai oleh Mahathir Mohamad mengejutkan ramai pihak apabila bersetuju bertanding di bawah satu bendera iaitu Parti Keadilan Rakyat (PKR). Parti Tindakan Demokratik (DAP) bagaimanapun masih menggunakan bendera parti di Sabah dan Sarawak dan memenangi sejumlah sembilan kerusi di kedua-dua negeri Malaysia Timur itu. Selain PKR dan DAP yang masing-masing memenangi kerusi tertinggi dalam PH dengan jumlah 49 dan 42, PH turut disertai oleh Parti Amanah Negara (AMANAH) yang merupakan serpihan dari kelompok Muslim Demokrat yang disingkirkan secara en-blok oleh kepimpinan ulama PAS pada 2015. Diketuai oleh Presidennya, Mohamad Sabu, AMANAH berjaya memenangi 10 kerusi. Namun perhatian umum banyak tertumpu pada BERSATU yang turut dipengerusikan oleh Mahathir dan memenangi 12 dari 54 kerusi yang ditandinginya. PH juga bekerjasama dengan Parti Warisan Sabah (WARISAN) yang diketuai oleh bekas Naib Presiden UMNO, Shafie Apdal yang digugurkan oleh Najib pada 2016 berikutan krisis 1MDB. WARISAN yang memenangi lapan kerusi Parlimen turut berjaya menjadi kerajaan negeri di Sabah. Secara keseluruhannya, PH berjaya memenangi 113 kerusi menerusi gabungan empat parti komponennya iaitu melepasi satu kerusi dari yang diperlukan bagi

**Jadual 1: Statistik Keseluruhan Kerusi Parimen Bagi PRU-14**

NEGERI	PKR	BN	PAS	DAP	WARISAN	BEBAS	SOLIDARITI	JUMLAH
PERLIS	1	2	0	0	0	0	0	3
KEDAH	10	2	3	0	0	0	0	15
KELANTAN	0	5	9	0	0	0	0	14
TERENGGANU	0	2	6	0	0	0	0	8
PULAU PINANG	11	2	0	0	0	0	0	13
PERAK	13	11	0	0	0	0	0	24
PAHANG	5	9	0	0	0	0	0	14
SELANGOR	20	2	0	0	0	0	0	22
W.P. KUALA LUMPUR	10	0	0	0	0	1	0	11
W.P. PUTRAJAYA	0	1	0	0	0	0	0	1

NEGERI SEMBILAN	5	3	0	0	0	0	0	8
MELAKA	4	2	0	0	0	0	0	6
JOHOR	18	8	0	0	0	0	0	26
W.P. LABUAN	0	1	0	0	0	0	0	1
SABAH	3	10	0	3	8	0	1	25
SARAWAK	4	19	0	6	0	2	0	31
JUMLAH	104	79	18	9	8	3	1	222

Sumber: (SPR 2018)<sup>22</sup>

memenangi majoriti mudah. Di peringkat Dewan Undangan Negeri (DUN) pula, PH berjaya memenangi 226 dari 505 kerusi yang dipertandingkan seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 2. PAS pula berjaya memenangi 18 kerusi di Kelantan, Terengganu dan Kedah. Biarpun gagal memenuhi hasratnya menjadi *king maker*, prestasi PAS boleh dianggap sebagai terbaik kerana ia bertanding secara sendirian dan memenangi 90 kerusi Dewan Undangan Negeri (DUN) secara keseluruhannya. BN dalam itu hanya berjaya memenangi 79 kerusi iaitu penurunan dari 133 kerusi yang dimenangnya dalam PRU-13. Di peringkat DUN, ia hanya berjaya memenangi 166 kerusi dan terpaksa melepaskan kuasa di peringkat negeri dalam apa yang dianggap sebagai tsunami Selatan yang bermula dari Johor, Melaka, Negeri Sembilan dan Perak. Selain dari gagal memenangi semula negeri idaman seperti Selangor dan tewas dengan lebih teruk di Pulau Pinang, BN juga kehilangan Kedah dan Terengganu dan hanya dapat mengekalkan kuasa di Perlis, Pahang dan Sarawak. Malah di ketiga-tiga negeri ini, BN dapat ditembusi dengan signifikan apabila PKR berjaya memenangi satu kerusi Parlimen di Perlis (Kangar – yang tidak pernah jatuh dari tangan BN), dinafikan majoriti dua pertiga di Pahang dan tewas sebanyak tiga kerusi lagi di Sarawak berbanding tiga dalam PRU-13. UMNO sebagai peneraju BN menyaksikan penguasaan mereka di Parlimen menjunam ke 54 kerusi berbanding 88 dalam PRU-13.

**Jadual 2: Statistik Keseluruhan Kerusi DUN Bagi PRU-14**

PARTI	PARLIMEN	DUN
BN	79	166
PAS	18	90
PAKATAN HARAPAN	113	226
WARISAN	8	21
BEBAS	3	0
LAIN-LAIN	1	2
<b>JUMLAH</b>	<b>222</b>	<b>505</b>

Sumber: SPR (2018)

Turut dihukum oleh pengundi ialah parti-parti komponen BN dan juga presiden parti masing-masing. Seperti yang dijangka, Persatuan Cina Malaysia (MCA) yang dianggap sebagai 7-Eleven kerana hanya memenangi tujuh kerusi dalam PRU-13 hampir terkubur apabila hanya berjaya memenangi satu dari

39 kerusi Parlimen yang ditandinginya menerusi Timbalan Presidennya, Wee Ka Siong (Ayer Hitam, Johor). Selain ketewasan presidennya Liow Tong Lai di Parlimen Bentong, parti komponen Cina utama BN itu juga hanya berjaya memenangi dua dari 90 kerusi DUN iaitu di Titi Tinggi, Perlis dan Cheka, Pahang. Nasib MCA bagaimanapun dianggap lebih baik berbanding Parti Gerakan Rakyat Malaysia (GERAKAN) yang tewas di semua 11 kawasan Parlimen dan 31 kawasan DUN yang ditandinginya. Presiden GERAKAN, Mah Siew Keong yang memenangi kerusi Parlimen Teluk Intan dalam Pilihan Raya Kecil (PRK) Teluk Intan pada 2014 turut dilorongkan jalan keluar. MIC pula menyaksikan penyusutan dari empat kerusi Parlimen yang dimenangi dalam PRU-13 ke dua sahaja pada PRU-14. Presidennya, S.Subramaniam gagal mempertahankan kerusi Parlimen Segamat yang dimenangi sejak 2004. Parti tersebut juga hanya berjaya memenangi tiga dari 13 kerusi DUN. Perhatian terhadap calon bebas yang keseluruhannya memenangi empat kerusi tertumpu pada B.Prabakaran yang memenangi Parlimen Batu. Beliau mendapat perhatian setelah pencalonan penyandang sebelumnya, Tian Chua ditolak sewaktu proses penamaan calon berikutan satu kesnya di mahkamah. Tidak sahaja Prabakaran memperolehi majoriti yang jauh lebih tinggi dari keputusan PRU-13, malah merupakan calon termuda yang memenangi kerusi Parlimen dengan usia 22 tahun.

PH turut mengulangi pencapaian undi popularnya pada PRU-13 dengan memenangi undi popular sebanyak 48.3% berbanding BN yang hanya memperolehi 33.9%. PAS pula memperolehi 16.6% undi popular. Sarawak merupakan satu-satunya negeri yang dimenangi BN dengan undi popular iaitu sebanyak 52.7.<sup>23</sup>Undi popular di bawah 40% ini merupakan undi popular terendah untuk BN sejak PRU pertama pada 1959.<sup>24</sup> Dalam kata lain, pertandingan tiga penjur yang melibatkan 151 kerusi Parlimen dan pada asalnya dianggap sebagai kelebihan buat BN bertukar menjadi kesan boomerang. Kempen undi rosak yang cuba dilancarkan oleh sekumpulan aktivis sebelum berlangsungnya PRU-14 berikutan ketidakpuasan terhadap kedua-dua blok utama yang bertanding tidak menemui hasil apabila hanya 217,083 atau 1.76% undi rosak dikesan. Peratusan ini merupakan kadar undi rosak yang terendah dalam dekad kebelakangan <sup>25</sup>

Negeri yang pastinya paling menjadi tumpuan dalam PRU-14 ialah Johor. Sejak pemecatan Muhyiddin Yassin yang turut merupakan Ahli Parlimen Pagoh pada 2016, Johor menjadi tumpuan penganalisis dan juga strategis PH. Khusus dalam hubungan ini ialah parti DAP yang menjadikan negeri kelahiran UMNO itu sebagai titik domino tsunami Melayu. Selain Lim Kit Siang yang terus diletakkan sebagai calon Parlimen Iskandar Puteri, DAP turut meletakkan strategis utamanya, Liew Chin Tong untuk menandingi Wee Kaa Siong dan memindahkan ADUN Damansara Utama, Yeo Bee Yin ke Parlimen Segamat. Sejak PRU-13 lagi, DAP telah meyakini bahawa tsunami Melayu boleh berlaku di Johor dengan menyasarkan peralihan signifikan

pengundi Melayu. Dibantu oleh pergolakan politik Melayu yang berlaku di negeri tersebut sejak 2016, ia menyebabkan Johor yang sebelum itu menjadi perhatian kerana pasukan bolasepaknya menerima perhatian tambahan dari pemerhati. Malah, sebulan berlangsungnya PRU-14, pihak Istana Johor mengeluarkan satu kenyataan partisan yang dikritik ramai pihak berikutan gesaannya untuk tidak menukar “kapal dan nakohda” sedia ada.<sup>26</sup> Hatta gesaan dari pihak Istana gagal menghalang PH dari memperolehi majoriti dua pertiga di Johor dengan memenangi 36 dari 56 kerusi Parlimen yang dipertandingkan. Tewas adalah nama-nama besar seperti Menteri Besarnya, Khaled Nordin, Shahrir Samad, Razali Ibrahim dan Nur Jazlan. Harapan BN untuk menawan trofi idaman iaitu negeri Selangor turut dinafikan oleh rakyat negeri itu dengan lebih jelas. Penerimaan rakyat Selangor terhadap kepimpinan negeri yang diketuai oleh Azmin Ali dan dasar Peduli Rakyat dibuktikan apabila ia hampir-hampir menjadi negeri tanpa pembangkang. Biarpun Langkah Kajang yang digerakkan oleh PKR pada 2014 dikritik hebat oleh semua pihak dan menjadi punca asal kepada keretakan dalam Pakatan Rakyat, keputusan PRU-14 seakan-akan menghantar mesej bahawa rakyat Selangor telah meletakkan perkara itu di belakang. Dengan memenangi 51 dari 56 kerusi DUN dan 20 dari 22 kerusi Parlimen, prestasi PH di Selangor boleh dianggap sebagai hampir sempurna.

Turut menarik perhatian ialah undi pasukan tentera dan polis yang dikesan mengalami peralihan yang signifikan dan turut menyumbang kepada kemenangan di beberapa kawasan seperti Setiawangsa, Tangga Batu, Lumut dan Lembah Pantai. Di Pusat Pengundian Bukit Aman yang menempatkan ibu pejabat Polis Diraja Malaysia dan sebagai simbol utama politik kawalan dalam rejim BN, sumber menyatakan sebahagian dari 7,466 pengundi undi pergi ke PH.<sup>27</sup> Seorang anggota kanan polis menambah yang kempen yang dijalankan oleh apparatus BN adalah keterlaluan. Sebagai contoh, dua kain pemedang yang ditulis dengan perkataan menjijikkan yang ditemui digantung di pintu masuk ibu pejabat kontinjen polis Selangor di Shah Alam pada 5 Mei 2018. Menurutnya, “bodoh sangatkah kami untuk percaya yang kain itu sengaja diletakkan di situ oleh PH bagi mempengaruhi undi polis?”<sup>28</sup>

## **Kempen dan Strategi Barisan Nasional**

Walaupun kempen sebenar PRU-14 bermula pada 28 April 2018, kempen yang lebih intensif telah dilangsungkan lama sebelum itu khususnya selepas pendedahan mengenai skandal 1MDB dan juga derma RM2.6 billion ringgit yang dimasukkan ke dalam akaun peribadi Najib. Pakatan Rakyat yang berpecah pada 2015 bukan sahaja mengeksploitasi sepenuhnya isu yang mendapat perhatian meluas masyarakat antarabangsa itu tetapi juga memperolehi faedah dari kritikan yang dilancarkan Mahathir terhadap Najib. Apabila Perdana Menteri Malaysia selama 22 tahun itu keluar dari UMNO buat kali ketiga pada Februari 2016, ia disifatkan mengubah tempo jangka

panjang kempen PRU-14. Ditambah dengan beberapa isu lain seperti kenaikan kos sara hidup berikutan pengenalan Cukai Barang dan Perkhidmatan (GST) dan kegagalan BN memberikan reaksi dan respon yang baik mengenai isu-isu tersebut, ia menjadikan BN dan UMNO berada dalam keadaan begitu defensif.

Kawalan kerosakan yang cuba dilakukan Najib pula lebih memburukkan keadaan. Apabila kontroversi mengenai IMDB menjadi semakin jelas melalui pendedahan yang dibuat oleh media seperti *Sarawak Report* dan *The Edge*, Najib memulakan kesilapan yang akhirnya memakan diri. Tidak sahaja kerajaan menyekat akses terhadap *Sarawak Report* dan menggantung akhbar *The Edge*, Najib pada Selasa, 28 Julai 2015 menamatkan khidmat Peguam Negara, Gani Patail yang menganggotai Pasukan Petugas Khas. Paling dramatik, Najib menggugurkan Muhyiddin Yassin yang sehari sebelum itu mengkritik secara lantang dan lebih terbuka kontroversi IMDB dan juga Menteri Kemajuan Wilayah, Shafie Apdal yang turut merupakan antara pengkritik utama isu tersebut. Pendedahan-pendedahan mengenai salahlaku dan penyelewengan yang berlaku dalam Majlis Amanah Rakyat (MARA), Tabung Haji dan Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan (FELDA) turut merebakkan lagi kebenaran istilah rejim kleptokrasi yang dilemparkan kepada BN. Malah, pemimpin-pemimpin UMNO dan apparatus-aparatus kerajaan sendiri mengakui bahawa mereka tidak mampu untuk mempertahankan kerajaan dalam isu-isu tersebut dan hanya bergantung pada strategi menyerang DAP yang dimomokkan sebagai anti-Melayu dan menjadi dalang utama dalam PH.<sup>29</sup>

Buat seketika, BN menarik nafas lega apabila keluarnya PAS dari Pakatan Rakyat membuahkan manfaat tidak langsung buat mereka apabila BN memenangi dua pilihan raya kecil (PRK) yang diadakan pada Jun 2016 iaitu Kuala Kangsar dan Sungai Besar. Perlawanan tiga penjurong di dalam kedua-dua PRK itu telah menyebabkan persaingan di antara BN dan parti-parti pembangkang menjadi rendah. BN memenangi kedua-dua pilihan raya itu meskipun undi popularnya berkurangan.<sup>30</sup> Ini berikutan undi pembangkang terpecah kepada dua parti iaitu PH dan PAS. Pepecahan parti pembangkang ini menjadi asas utama kepada keyakinan tinggi BN dan ramai pemerhati bahawa parti pemerintah itu akan memenangi PRU sekali lagi.<sup>31</sup> Pentadbiran Najib juga mengambil inisiatif penting dalam meneruskan pepecahan parti pembangkang khususnya dengan mengambil langkah terbaik-baik dengan pentadbiran PAS yang dipimpin oleh Abdul Hadi. BN meskipun lebih dikenali dengan dasar anti-hudud berbanding dasar multietnik, telah memberikan lampu hijau untuk mempertingkatkan lagi bidangkuasa Mahkamah Syariah (RUU 355) yang dicadangkan oleh Abdul Hadi.<sup>32</sup> Sehingga pada satu ketika, pentadbiran Najib menyatakan hasrat untuk membentangkan sendiri rang undang-undang itu dalam usaha mengambil hati kepimpinan dan kumpulan fundamentalis dalam PAS.<sup>33</sup> Pentadbiran Najib juga membuat inisiatif lain untuk mengeratkan hubungan dengan PAS termasuk membuat program secara bersama,<sup>34</sup> mengadakan



perjumpaan<sup>35</sup> dan membenarkan media kawalannya untuk memberi liputan positif kepada PAS. Hasil dari usaha-usaha ini, kepimpinan Hadi tidak lagi melihat pentadbiran Najib sebagai musuh malah meletakkan PAS sebagai “penasih” kerajaan BN<sup>36</sup> dan menyenangi persaingan tiga penjurong dalam PRU-14.<sup>37</sup>

Jika pada awal pemerintahannya, Najib memaparkan usaha untuk meneruskan liberalisasi politik, keadaan bagaimanapun berubah pasca PRU-13. Walaupun PRU-13 menyaksikan kerusi BN semakin berkurangan, namun kerusi yang dimenangi UMNO semakin bertambah, Situasi ini menyebabkan Najib terpaksa melakukan *appeasement* terhadap golongan bergaris keras dalam UMNO dan juga NGO Melayu konservatif. Pengkalan Akta Hasutan pada 2014, kelulusan Undang-Undang Pencegahan Keganasan (POTA) 2015 dan juga Akta Majlis Keselamatan Negara (MKN) 2016 menyaksikan rejim BN mula kembali ke politik lama.<sup>38</sup> Menjelang PRU-14, menu manipulasi ini digunakan dengan lebih jelas khususnya mengeksploitasi amalan klasik 3M (*money, media and machinery*) yang selama ini menjadi bahagian bersepadu kempen BN.

Keyakinan BN disandarkan dengan keupayaannya dalam mendominasi struktur kerajaan. Amalan penaungan dan ganjaran serta hukuman yang dimainkan oleh Perdana Menteri dan badan eksekutif turut memperkukuhkan situasi ini. Jawatan-jawatan tertinggi di dalam sektor awam kebanyakannya diberi sebagai ganjaran (berbanding merit) kepada penjawat-penjawat awam yang setia dan sanggup membuat apa sahaja (termasuk secara berlebihan-lebihan dalam menguatkuasa atau membelakangkan undang-undang) untuk penerusan rejim BN. Ketua-ketua jabatan ini pula kemudiannya mengambil langkah yang sama di jabatan masing-masing, sekali gus mempartikan struktur dan personel (penjawat) di dalam sektor itu. Akibatnya, penggunaan agensi kerajaan dalam membantu kemenangan BN bukan sesuatu yang asing. Walaupun fenomena parti menguasai kerajaan ini bukanlah perkara baru, apa yang berlaku dalam PRU-14 menampakkan usaha yang berlebihan (*excessive*). Panglima Angkatan Tentera Malaysia, dalam suatu majlis rasmi angkatan itu kira-kira sebulan sebelum PRU-14, secara terbuka membuat gesaan agar pegawai dan anggotanya “memberi sokongan tidak berbelah bahagi kepada Perdana Menteri (baca:Najib) dan kerajaan yang dipimpinya”.<sup>39</sup> Ketua Setiausaha Negara, Ali Hamsa pula turut membuat kenyataan agar “penjawat awam perlu membuat pilihan tepat bagi memastikan kesinambungan keamanan, kesejahteraan, keharmonian dan kestabilan ekonomi seperti dinikmati ketika ini”. Beliau juga tanpa segan silu mempertahankan BN dari serangan pembangkang dalam isu pelaburan besar China di Malaysia dan turut menggesa agar penjawat awam menggunakan media sosial untuk tidak berkongsi berita buruk kepada kerajaan.<sup>40</sup> Pihak Pendaftar Pertubuhan (ROS) pula bukan sahaja melengahkan penubuhan PH secara rasmi,<sup>41</sup> tetapi juga membubarkan komponen parti Melayu dalam PH iaitu BERSATU sehari sebelum parlimen dibubarkan.<sup>42</sup>

Ketua Setiausaha Kementerian Kewangan, Irwan Serigar Abdullah, bersama-sama Kementerian Kewangan pula sama-sama 'berjoget' dalam konsert mega #LangkawiHebat pada 8 Mei 2018 dengan menawarkan hadiah bernilai ratusan ribu ringgit di samping menjemput ramai artis-artis popular tanah air. Konsert ini dibuat bersamaan dengan tarikh kempen terakhir Mahathir di Langkawi, hanya 4 kilometer dari tapak konsert.<sup>43</sup>

Barangkali agensi yang paling banyak diperkatakan dalam hubungan ini ialah Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR). Agak sukar hatta bagi pemerhati yang neutral untuk mempertahankan SPR dalam PRU-14 biarpun peranan SPR dalam memastikan kelancaran dan perjalanan pilihan raya boleh diberi kredit secara umumnya. Pertamanya ialah persempadanan semula pilihan raya. Biarpun proses ini termaktub dalam perlembagaan, persempadanan yang diluluskan sebulan sebelum PRU-14 disifatkan benar-benar dibuat berdasarkan pertimbangan etnik dan memaparkan keterdesakan BN. Hal ini berikutan sejak PRU-12, BN telah menjadi kurang popular di kalangan bukan Melayu. Di dalam pilihan raya-pilihan raya yang lepas, BN sering kali berjaya untuk mendapatkan kemenangan yang lebih baik selepas persempadanan semula di lakukan termasuklah pada PRU 1995 (persempadanan pada 1994) dan PRU 2004 (persempadanan 2003).<sup>44</sup> SPR juga mencetuskan kemarahan ramai apabila mengadakan pemilihan pada hari bekerja (hari Rabu), menghalang poster Mahathir dari digunakan oleh PH secara meluas selain larangan penggunaan logo PH dan kemudiannya lambang PKR secara bersama oleh kesemua parti komponen dalam PH.<sup>45</sup> Namun selepas tekanan rakyat yang bertali arus, parti memerintah dan SPR bersetuju untuk mengumumkan hari pemilihan sebagai cuti umum dan membenarkan PH menggunakan logo PKR secara bersama.<sup>46</sup> SPR juga menolak pemohonan Suruhanjaya Hak Asasi Manusia (SUHAKAM) untuk terlibat sebagai pemerhati pilihan raya dengan alasan tidak sesuai dan tidak diperlukan.<sup>47</sup> Dari empat belas badan pemerhati rasmi yang dilantik, SPR telah melantik beberapa pertubuhan yang meragukan sebagai pemerhati termasuk Persatuan Pengundi Wawasan Malaysia.<sup>48</sup> Berdasarkan temubual dengan pemerhati-pemerhati dari badan ini di kajian lapangan di kawasan Parlimen Bentong, mereka menyatakan "pertubuhan mereka baru ditubuhkan khas untuk memerhati PRU 2018". Mereka juga mengaku mereka adalah "ahli cawangan UMNO" di daerah itu dan "memakai baju BN semasa bergerak ke dewan penamaan calon". Mereka juga adalah golongan yang berpendidikan rendah, "bekerja sendiri" dan "baru sahaja menyertai parti UMNO." Tawaran untuk menjadi pemerhati "dilakukan ketua cawangan mereka".<sup>49</sup>

Campurtangan SPR dalam membantu BN seakan-akan kelihatan lebih jelas dalam kes yang melibatkan penguguran status bertanding calon parti pembangkang yang diputuskan oleh agen-agensinya dengan sewenang-wenang. Di DUN Rembau, penyandang dan Menteri Besar Sementara Negeri Sembilan Mohamad Hasan diisytiharkan menang tanpa bertanding apabila calon pembangkang, Dr Streram tidak dibenarkan masuk ke dewan penamaan

oleh Penolong Pegawai Pilihanraya (ARO) atas satu kesalahan kecil.<sup>50</sup> ARO itu pula kemudiannya dikesan merupakan bekas pemimpin pemuda dan penyokong kuat UMNO.<sup>51</sup> Di Parlimen Batu, permohonan penyandang Tian Chua dari PKR untuk bertanding telah ditolak SPR atas satu kesalahan jenayah kecil yang beliau lakukan pada 2010. Namun kesalahan yang sama tidak pula menghalang Tian Chua untuk bertanding pada PRU ke-13. Calon PKR di DUN Bukit Melawati, Sivamalar Ganapathy, pula ditolak kerana kad pengenalan beralamatkan negeri yang berlainan dari tempat yang ditandingi.<sup>52</sup> Ketegasan yang berlebih-lebihan dari agen-agen penting SPR ini- di mana hampir kesemuanya merupakan pegawai kanan di daerah masing-masing - tidak pula kelihatan apabila 'kesilapan' atau kesalahan dilakukan oleh calon BN. Di Bentong umpamanya, pencalonan wakil BN di DUN Ketari Lau Hoi Keong dibantah keras oleh calon PH atas kesalahan yang sama seperti di Bukit Melawati, iaitu kad pengenalannya dipercayai beralamatkan negeri lain (Selangor).<sup>53</sup> Lau pula adalah calon parti Gerakan pada saat-saat akhir akibat dari pertukaran calon asal (S. Prabakaran).<sup>54</sup> Lau gagal menunjukkan kad pengenalannya kepada calon PH walaupun masa diberi hampir dua jam untuk beliau berbuat demikian di tempat penamaan calon. Namun pada akhirnya, Pegawai Pilihan Raya Parlimen Bentong menerima pencalonan Lau atas alasan alamat Lau di dalam sistem atas talian Jabatan Pendaftaran Negara telah pun ditukar ke alamat di negeri Pahang. Hal ini dilakukan meskipun tiada sebarang bukti ditunjukkan kepada calon pembangkang, pemerhati pilihan raya dan pihak media untuk semakan.<sup>55</sup> Pada malam penjumlahan undi rasmi yang sarat dengan kehadiran maklumat-maklumat terkini berhubung ketewasan BN di beberapa negeri, penjumlahan undi menjadi lebih perlahan dan berlarutan hingga ke awal pagi. Di Kuala Kangsar dan Seremban, skrin penjumlahan undi tidak dipasang dan dikemaskini dari masa ke semasa seperti lazimnya apabila keputusan peti undi dari sesuatu kawasan dibawa masuk.<sup>56</sup>

Janji pemberian tunai pula adalah rutin biasa BN dalam menciptakan *feel good factor* untuk mempengaruhi pengundian. Ini termasuk janji menaikkan kadar bantuan sara hidup (BR1M) sebanyak sekali ganda kepada golongan kurang berada<sup>57</sup> dan memberi kenaikan gaji kepada penjawat awam.<sup>58</sup> Malah, dua minggu sebelum pembubaran parlimen, Najib mengumumkan pemberian sebanyak kad tunai bernilai RM800.00 kepada 67,000 pemandu teksi di Malaysia dengan penggunaan dana kerajaan sebanyak RM53.6 juta.<sup>59</sup> Pemandu teksi di Malaysia merupakan antara golongan yang kritikal terhadap pentadbiran Najib ekoran dari dasar kerajaan untuk tidak menghalang perkembangan perkhidmatan perkongsian kenderaan seperti *Grab* dan *Uber*.<sup>60</sup> Seperti lazimnya juga, media arus perdana terus digunakan secara meluas oleh kerajaan BN tanpa liputan positif terhadap PH (PAS mendapat sebahagian liputan positif) kecuali dari *Sinar Harian*, *The Malay Mail* dan beberapa akhbar berbahasa Cina yang lebih bebas dari kawalan rejim. Penggunaan jentera kerajaan sebagaimana yang telah dibincangkan di atas diperkasakan

lagi dengan pengenalan Akta Berita Tidak Benar 2018 sebelum pembubaran parlimen yang lepas dilakukan. Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) memainkan peranan penting dalam memobilisasi akta baru ini dengan melakukan pelbagai pemantauan dan penyaringan terhadap beberapa portal atas talian dalam usaha kawalan politiknya. Siri keputusan-keputusan mengejut pada malam hari pengundian menyebabkan SKMM mengarahkan penyedia internet di Malaysia untuk menghalang laporan berita dari beberapa portal popular khususnya dari *Malaysiakini*.<sup>61</sup>

Menurut Merdeka Centre, menu manipulasi saat akhir yang dilakukan BN dalam PRU-14 telah mempengaruhi pengundi atas pagar dalam kalangan Melayu-Islam yang berasa marah dan membuang rasa takut mereka untuk mengundi PH.<sup>62</sup> Politik transaksi yang dijanjikan Najib pada malam akhir kempen turut menimbulkan kemarahan rakyat yang menganggapnya sebagai usaha merendah-rendahkan taraf pemikiran mereka. Malah, Baharom Mahusin - wartawan kanan akhbar *Kosmo*, akhbar yang dikuasai kepentingan UMNO – menyifatkan janji mengecualikan anak-anak muda di bawah usia 26 tahun daripada membayar cukai pendapatan sebagai cadangan yang ‘paling tidak masuk akal’ kerana kumpulan berkenaan begitu sedikit sekali bilangannya.<sup>63</sup> Kritikan berlebihan yang dilakukan terhadap Mahathir seperti mempersoalkan kesihatan dan umurnya juga dilihat meningkatkan undi simpati terhadap tokoh itu termasuklah dari anggota UMNO sendiri.<sup>64</sup>

## Kempen dan Strategi Pakatan Harapan

Walaupun PH mendapat manfaat dari isu dan skandal yang melibatkan Najib, pakatan tersebut masih dilihat sebagai tidak mempunyai kesepaduan dan terbelit dengan percakaran dalaman baik di peringkat sesama parti atau dalam kalangan parti. Sebelum Mahathir menyertai PH, Welsh contohnya menyifatkan pakatan tersebut sebagai membosankan.<sup>65</sup> Namun kemasukan Mahathir ke dalam PH menjadi pengubah permainan biarpun tokoh tersebut telah meminjamkan legitimasinya kepada perjuangan kepembangkangan sebelum itu seperti menyertai perhimpunan BERSIH 4.0 pada 2015 dan demonstrasi anti-GST pada 2016. Selain dari menjadi faktor penyatu dan menyelaraskan perbezaan yang wujud dalam PH kelebihan Mahathir seperti yang diujarkan anaknya, Marina: *“It was someone they know, someone who has experience and someone with whom they felt more comfortable. It’s not a totally unknown entity that you want to bring in. And that was the real factor”*<sup>66</sup> Begitu pun, usaha membawa Mahathir melalui liku yang bukan sedikit kerana terpaksa melibatkan perundingan demi perundingan termasuklah dengan penasihat PKR, Anwar Ibrahim yang masih berada di penjara. Ia adalah aktivis masyarakat sivil seperti Ambiga, Maria Chin dan Hishamuddin Rais yang meyakinkan Mahathir untuk bekerjasama dengan Anwar bagi mencabar Akta MKN.<sup>67</sup> Selepas pertemuan pertama antara Mahathir dan Anwar di mahkamah

pada September 2016, BERSATU kemudiannya menyertai PH pada 2017. Namun berlakunya rancangan dalam perundingan susulan perbezaan pendapat antara keempat-empat parti dan mengakibatkan Mahathir menghantar surat untuk menarik diri dari PH. Ini mengakibatkan Naib Presiden PKR, Nurul Izzah terpaksa memujuk Mahathir di London dan seterusnya membuka jalan terhadap persetujuan Mahathir sebagai calon PM pada awal 2018.<sup>68</sup> Pembahagian kerusi dalam kalangan PH turut melalui yang sulit berikutan rundingan, pertukaran dan pelobian di saat-saat akhir khususnya membabitkan parti-parti baru seperti BERSATU dan AMANAH. Wan Saiful contohnya diletakkan di Pendang, sebuah kawasan luar bandar di Kedah pada saat-saat akhir dan ini berlawanan dengan imej urban dan sofistikated beliau yang berpangkalan di ibu kota dan pernah mengetuai kumpulan pemikir progresif seperti Institute for Democracy and Economic Affairs (IDEAS). Sumber kempen beliau yang ditemui menjelaskan kempen beliau di Pendang berhadapan dengan berbagai masalah berikutan pasukan kempen yang kurang efektif dalam menangani hal ehwal masyarakat luar bandar selain taraf novis beliau di dalam politik<sup>69</sup>

Begitu pun, keberadaan Mahathir di dalam PH dianggap meminimakan kekusutan-kekusutan seperti ini. Realpolitik menyaksikan kesemua pihak terpaksa membelakangkan kepentingan yang wujud kerana situasi saling mempergunakan. Mahathir terpaksa mendapatkan kerjasama PH untuk mengeluarkan Najib dari kuasa dan PH pula mengeksploitasi kelebihan Mahathir di mata orang Melayu dan anggota UMNO bagi meletakkan mereka di koridor kuasa. Satu keputusan penting yang menyerlahkan pertimbangan ini ialah keputusan PH menggunakan satu logo sahaja dalam PRU-14 iaitu logo PKR. Keputusan yang diambil selepas kegagalan PH untuk didaftarkan sebagai satu pakatan merupakan keputusan yang maha berat untuk diterima oleh parti seperti DAP dan juga penyokongnya. Bagaimanapun, cubaan rejim BN dan apparatus medianya untuk mengeksploitasi isu-isu seperti ini kelihatan tidak berkesan berikutan kemenonjolan Mahathir yang mengisi vakum kepimpinan PH. Imej Mahathir yang diserang bertali arus oleh kepimpinan UMNO dan media arus perdana dilihat sekadar memberikan publisiti percuma kepada tokoh yang seringkali dianggap sebagai Machiavelli Malaysia. Khusus dalam hubungan ini ialah video bagaimana Mahathir muncul secara tiba-tiba dalam dalam sebuah forum bagi memperkatakan kesesuaian Mahathir sebagai PM dan menjadikan salah seorang panelis yang mengkritik beliau terkesima.<sup>70</sup> Sedar dengan pengaruh yang dimiliki Mahathir dan pengaruh media sosial, PH menjadikan Mahathir sebagai aktor utama dalam sebuah video klip yang penuh emosional dan melankolik. Selain itu, imej-imej mesra antara Mahathir dan isterinya, Siti Hasmah terus ditonjolkan dan memberi dimensi personel dalam konteks keperibadian Najib dan isterinya yang *flamboyant*, Rosmah Mansor. Keghairahan Mahathir berkempen dan tidak memaparkan tanda keletihan dalam usia 93 tahun membingungkan ramai pemerhati. Seperti yang dinukilkan oleh kolumnis *The Edge*, Mohsin Abdullah: “*Mahathir has this*

*gift to explain the complicated “transactions” of !MDB and the meaning of kleptocracy to the average Ahmad, Ah Seng and Raju. And he does not have to shout to be fiery”.*<sup>71</sup> Pada 4 Mei 2018, PH mengerahkan seluruh perhatian ke ceramah umum Mahathir di Putrajaya. Ceramah itu turut disertai oleh seorang lagi tarikan utama kempen iaitu Nik Omar – anak sulung kepada bekas Musyidul Am PAS, Nik Aziz Nik Mat yang mencetuskan kontroversi apabila bertanding sebagai calon AMANAH di DUN Chempaka, Kelantan. Menjelang hari-hari terakhir, barisan orde lama UMNO seperti Daim Zainuddin, Rafidah Aziz, Rais Yatim dan Syed Hamid Albar yang diketahui merupakan lingkaran dekat kepada Mahathir turut berkempen dan menggesa rakyat menubuhkan rejim yang pernah dinaungi mereka sebelum itu. Kemuncak kepada peranan Mahathir ialah amanat beliau pada malam 8 Mei 2018 yang disiarkan secara langsung di *Facebook Live*. Biarpun pada waktu yang sama Najib turut ke udara dengan menawarkan beberapa insentif jangka pendek, ia hanya berjaya menarik 330,000 penonton berbanding ucapan Mahathir yang dilihat oleh 1.2 juta penonton.<sup>72</sup>

Di sisi yang lain, PH juga tidak terkecuali menyajikan manifesto yang berbentuk populis dengan menawarkan penyelesaian terhadap isu-isu yang dilihat membelit golongan bawahan dan orang muda seperti penghapusan GST, penghapusan tol secara beransur-ansur, mengecualikan pembayaran PTPTN melainkan pendapatan kasar bulanan telah mencecah RM4,000, memansuhkan akta-akta kawalan dan menjalankan reformasi institusi dan pentadbiran dengan lebih menyeluruh. Biarpun sebahagian dari tawaran ini menimbulkan polemik yang bukan sedikit berikutan kemapanan pelaksanaannya, ia disifatkan berjaya memancing golongan muda yang mewakili 40% dari jumlah pengundi yang berdaftar. Turut merencanakan kempen di sebelah PH ialah pencalonan beberapa aktivis masyarakat sivil serta tokoh intelektual awam seperti Maria Chin (bertanding di Parlimen Petaling Jaya), Wan Saiful Wan Jan (Pendang) dan juga Maszlee Malik (Simpang Renggam). Kempen *Pulang Mengundi* dan *Undi Rabu* serta kutipan kempen *crowdfunding* dilancarkan oleh kumpulan-kumpulan aktivis masyarakat sivil bagi membiayai perjalanan pulang pengundi yang kurang berkemampuan. Bilangan sukarelawan yang menawarkan diri menjadi agen pengundian dan pengiraan (POCA) turut bertambah dengan signifikan.<sup>73</sup> Jika sebelum ini, garis pemisah antara masyarakat sivil pro-demokrasi dan parti pembangkang di Malaysia seringkali menjadi polemik, maka PRU-14 menyaranan yang garis ini menjadi semakin kabur berikutan sokongan lebih terbuka masyarakat sivil terhadap kempen PH. Satu pertubuhan bukan kerajaan (NGO) yang mencuri perhatian menjelang PRU-14 ialah Persatuan Patriot Kebangsaan (PATRIOTS) yang ditubuhkan pada Mei 2017 dan dianggotai oleh bekas veteran polis dan tentera. Diketuai oleh Brigadier Jeneral Mohd Arshad, PATRIOTS menyimpang dari kelaziman yang disaksikan dari pertubuhan veteran seumpamanya apabila sentiasa memberikan kritikan konstruktif dan kritikal terhadap rejim BN.

## Mengenai Isu Khas Ini

Isu khas *Jebat* ini mengemukakan 11 lagi artikel yang ditulis dari berbagai aspek termasuklah satu artikel komentari. Tanpa cuba menumpukan tema khusus bagi isu ini seperti analisis khusus peringkat negeri, kesemua penyumbang cuba untuk menyelami beberapa isu dan kawasan penting yang mengimpak pertimbangan pengundi dalam PRU-14.

Suffian Mansor dan Awang Azman menumpukan kepada Sarawak yang seringkali dianggap sebagai salah satu deposit tetap untuk BN. Dalam artikel mereka, “Sarawak dalam Pilihan Raya Umum Ke-14: Cabaran Kepada Konsep *Strongman* dan Penaung-dinaung”, penulis melihat kedua-dua strategi penting yang digunakan Barisan Nasional Sarawak sejak sekian lama mula mengalami penghakisan khususnya dalam kalangan pengundi bumiputera. Walaupun meletakkan masalah domestik sebagai punca utama terhadap fenomena yang berlaku, isu-isu nasional menurut mereka turut menyumbang terhadap prestasi tidak terduga PH di Sarawak.

Tumpuan seterusnya dalam memperkatakan aliran pengundian PRU-14 ialah sokongan kaum India yang menjadi fokus Suresh Kumar dan Sivarajan Ponniah. Dalam artikel bertajuk “Tsunami India dalam Pilihan Raya Umum Ke-14: Peralihan Sokongan daripada Politik Etnik Kepada Politik Multietnik”, mereka melihat keputusan PRU-14 merupakan kemuncak kepada peralihan undi kaum India yang mengalami trend penurunan yang konsisten sejak PRU-12. Beralih dari sokongan dari parti berasaskan etnik kepada parti multietnik, sokongan kaum India didorong oleh berbagai-bagai faktor khususnya permasalahan kaum India yang tidak pernah diselesaikan oleh kerajaan BN.

Analisis mengenai penguasaan PAS di Kelantan diberi tumpuan oleh Azmil Tayeb menerusi artikel “Green Wave of Change On The East Coast: PAS and Anti-UMNO Backlash in Kelantan”. Beliau menelusuri fenomena tersebut sebagai kesan dari politik kepembangkangan yang dicirikan oleh ketidakadilan yang dikenakan kerajaan Pusat terhadap kerajaan negeri sejak sekian lama. Hal ini menurutnya dapat menjelaskan mengapa parti seperti AMANAH dan BERSATU gagal menempatkan diri dengan baik di negeri tersebut.

Isu khas ini juga memberi ruang kepada dua subjek yang sering tidak mendapat tempat dalam analisis PRU. Satu negeri yang sering tidak diberi tumpuan dalam analisis PRU ialah Negeri Sembilan. Begitu pun, PRU-14 menyaksikan negeri ini mencuri perhatian apabila menyumbang terhadap fenomena tsunami Selatan bersama-sama dua lagi negeri lain iaitu Johor dan Melaka. Dalam artikel “Ayunan Bandar di Dalam Pilihan Raya Umum Ke-14: Kajian Kes Negeri Sembilan”, Ariff Aizuddin Azlan dan Mohammad Khairuddin menyifatkan apa yang berlaku di negeri tersebut dicituskan oleh ayunan bandar yang berlatarbelakangkan kerangka konteks nasional. Biarpun merupakan sebuah negeri yang mempunyai suhu politik yang konsisten dan

tenang, namun isu yang berlaku di peringkat nasional telah menyumbang terhadap peralihan kuasa di negeri tersebut. Selain dari itu, Muhammad Febriansyah dan Sharifah Nursyahidah menumpukan kepada satu blok alternatif dalam PRU-14 iaitu “Parti-Parti Politik Kiri dalam Pilihan Raya Umum Ke-14.” Prestasi buruk dua parti kiri dalam PRU-14 iaitu Parti Rakyat Malaysia (PRM) dan Parti Sosialis Malaysia (PSM) seolah-olah membenarkan tanggapan umum bahawa persaingan PRU tersebut hanya melibatkan BN dan PH. Begitu pun, kedua-dua penulis tetap menyifatkan bahawa kemenangan dalam PRU bukan merupakan petunjuk mutlak mengenai pengaruh politik kekikiran yang tetap mencuri perhatian ruang umum secara konsisten.

Sebuah lagi negeri Malaysia Timur yang turut menyumbang penting terhadap fenomena revolusi senyap ialah Sabah. Artikel sumbangan Anantha Raman Govindasamay dan Lai Yew Meng menganalisis “GE14: The Urban Voting Pattern in P172 Kota Kinabalu and P186 Sandakan, Sabah”. Dua kerusi Parlimen urban tersebut secara tradisinya didominasi oleh sokongan komuniti Cina. Namun menurut mereka, PRU-14 telah menunjukkan bahawa berlakunya sokongan tambahan dari komuniti Bumiputra-Muslim berikutan kerjasama yang dijalinan dengan Parti WARISAN pimpinan Shafie Apdal.

Muhamad Takiyuddin Ismail pula menumpukan kepada kejatuhan parti dominan, UMNO. Beliau menumpukan kepada adaptasi UMNO terhadap mentaliti ketewasan semenjak PRU 1999 sehinggalah ke PRU-14 dalam artikelnya bertajuk “Kejatuhan UMNO dalam Pilihan Raya Umum Ke-14: Perspektif Pengajaran Politik”. Beliau berhujah bahawa kejatuhan UMNO dalam PRU-14 turut disumbangkan oleh kegagalan parti tersebut mengaplikasikan dengan bersungguh pengajaran dan pembelajaran politik dari kejatuhan parti-parti dominan yang lain. Khusus dalam hubungan ini ialah kejatuhan sebuah lagi parti konservatif terbesar iaitu LDP Jepun pada 2009.

Dimensi ekonomi politik dalam pada itu diberi perhatian oleh Muhammad Ariff Asyrul dan Sity Daud dalam artikel bertajuk “Manifesto Barisan Nasional dan Kejatuhan Najibnomics Dalam Pilihan Raya Umum Ke-14”. Mereka menelusuri matlamat Najibnomics yang bertujuan melahirkan ekonomi yang bersifat terangkum dan seimbang. Bagaimanapun, pendekatan ini menurut mereka bertentangan dalam aspek pelaksanaannya apabila ia dibayangi oleh isu seperti kenaikan kos hidup dan penggunaan BRIM sebagai instrumen pengekal sokongan BN.

Mohamed Nawab Othman dan Rashaad Ali pula menelusuri dua negeri yang mempunyai pangkalan sokongan Melayu yang terbesar dalam PRU-14 iaitu Johor dan Kelantan. Dalam makalah bertajuk “Localising Victory: GE14 and the Electoral Contest in Johor and Kelantan”, mereka menyifatkan kemenangan PH dan PAS di kedua-dua negeri tersebut turut dibantu oleh faktor kebebasan relatif kedua-dua negeri dalam sistem persekutuan dan identiti tempatan yang menyatukan penyokong kedua-dua parti.

Artikel penyelidikan terakhir disumbangkan oleh Muhammad



Nadzri dan Jamaie Hamil yang melihat dimensi Melayu/Bumiputra dalam memperkatakan kejatuhan BN menerusi artikel mereka, “Politik, Pengundi dan Faktor Melayu/Bumiputra: Analisis Kegagalan Barisan Nasional dalam Pilihan Raya Umum-14”. Bagi mereka, kejayaan PH dalam muncul sebagai sebuah gabungan pembangkang yang kuat didorong oleh keterwakilan gabungan tersebut melalui parti berasaskan Melayu/Bumiputra seperti BERSATU dan WARISAN. Kelebihan ini telah berjaya memecahkan dominasi BN biarpun mereka dihadapkan dengan berbagai-bagai menu manipulasi dalam sebuah sistem autoritarianisme kompetitif.

Artikel terakhir isu khas ini ditamatkan dengan artikel komentar Khoo Ying Hooi mengenai “Masyarakat Sivil dan Peranannya di Malaysia pasca Pilihan Raya Umum Ke-14”.

Walaupun kami menyedari bahawa tidak semua isu atau tema diliputi oleh keluaran khas ini, kami berharap ia akan dapat menyumbang kepada perbincangan akademik berhubung PRU-14. Kami juga berharap kemasukan beberapa artikel Bahasa Inggeris dapat meningkatkan usaha menonjolkan *Jebat* sebagai penerbitan dwi-bahasa yang mencerminkan kepelbagaian karektor keserjanaan dan khalayak pembaca. Tentu sekali rasa terima kasih yang tidak terhingga kami sampaikan kepada semua penyumbang yang terlibat dalam menjayakan penerbitan isu khas ini. Sumbangan masa dan tenaga mereka dalam menyumbang kepada wacana ilmiah untuk sebuah detik bersejarah bagi Malaysia adalah amat dihargai. Dengan 20 penyumbang yang datang dari lapan institusi pengajian tinggi tempatan dan luar negara dan relatifnya muda, isu khas PRU-14 ini cuba menyampaikan mesej inklusiviti dalam lingkungan keserjanaan politik Malaysia.

Akhir kata, kami melahirkan setinggi penghargaan kepada semua pewasit yang terlibat memberi komen konstruktif dalam memperbaiki artikel yang diterbitkan. Tidak dilupakan kepada Ketua Editor *Jebat*, Profesor Madya Dr. Azlizan Mat Enh dan juga Pembantu Editor *Jebat*, Siti Mariah Alias dan Muhamad Shafie Jamaan. Turut dihargai ialah UKM yang meluluskan kemudahan cuti sabatikal kepada Muhamad Takiyuddin Ismail dan juga geran GP-K014994 dan juga GGPM 2018-022.

## Nota Akhir

1. Lihat contohnya Jimadie Shah Othman. 2010. Perkasa akan terus tentang Malaysian Malaysia; “IGP arah siasat segera ‘parang terbang’ Jamal”, 9 Oktober 2016, <https://www.malaysiakini.com/news/358465> [12 April 2018].
2. Hunt, What Does Malaysia’s Earthquake Eection Mean for Democracy in Southeast Asia?, 2018.
3. Joceline Tan, The night the earth moved, 2018.
4. Ambiga Sreenevasan, A revolution through the ballot box, 2018.

5. Zin Mahmud, *Reset, restart, refresh selepas Revolusi Rakyat*, 2018.
6. Schdler, *Elections without Democracy: The Menu of Manipulation*, 2002.
7. Ottaway, *Democracy Challenged: The Rise of Semi-Authoritarianism*, 2003.
8. Mauzy & Barter, *Learning to lose? Not if UMNO can help it*, 2008.
9. Kow Gah Chie, 2018, *Change gov't now or wait 20 years, warns Kit Siang*; Shadi Hamid, 2018, *What Democracies Can Learn From Malaysia'*.
10. Fathi Aris Omar & Abdul Rahim Sabri, *'Hisham Rais akui silap 'teori' Malaysia 'mesti pilih jalan raya'*, 2018.
11. "GE14: Malay 'Tsunami' Will Not Occur – Najib", 8 Mei 2018, <http://malaysiandigest.com/frontpage/29-4-tile/736801-ge14-malay-tsunamiwill-not-occur-najib.html> [10 Ogos 2018].
12. "Malaysia Spring is not like Arab Spring – Kit Siang", 22 Mei 2018, <https://www.malaysiakini.com/news/426200> [13 September 2018].
13. Steele, *Media and Transition: Lessons from Indonesia*, 2018.
14. "Barisan Nasional coalition set to win another term", 9 April 2008, <http://country.eiu.com/article.aspx?articleid=386598022&Country=Malaysia&topic=Politics> [9 Jun 2018].
15. Zurairi AR, *GE14 results:How it went so wrong for pundits*, 2018.
16. Ram Ahmad, *Invoke: PH dijangka menang 111 parlimen, rampas lima lagi negeri*, 2018.
17. Marzuki Mohamad, *Najib doesn't have GE14 in the bag; Marzuki Mohamad. 2017b, BN's dicey situation in Johor*, 2017.
18. *Pemerhatian kajian lapangan di beberapa kawasan di Perak dan Selangor, Lihat juga Ida Lim*, 2018, *Seeing a quieter GE14 campaign? Here's why'*.
19. "Malaysia election: Mahathir Mohamad sworn in as country's seventh Prime Minister", 11 Mei 2018, <http://www.abc.net.au/news/2018-05-11/malaysia-election-mahathir-mohamad-sworn-in-as-prime-minister/9749230> [12 Ogos 2018].
20. "At Umno AGM, Zahid steers task force from IMDB to 'yellow revolution'", *Malaysiakini*, 3 Disember 2016, <https://www.malaysiakini.com/news/365081> [11 Mei 2018].
21. Thor Kah Hoong, *The mother of all defeats*, 2018.
22. *Dashboard PRU-14* <http://pru14.spr.gov.my/#!/home> [12 Ogos 2018].
23. Husin Mahat, *Sah 'tsunami rakyat' tumbangkan BN. Undi popular merudum di pusat, negeri*, 2018.
24. Ida Lim, *At 36.42, BN records lowest popular vote in history*, 2018.
25. Koh Jun Lin, *Undi rosak PRU14 antara terendah walaupun ada gerakan UndiRosak*, 2018.

26. Iwan Shu-Aswad Shuaib, 2018, Pandangan ikhlas untuk rakyat Johor yang saya sayangi – TMJ, 2018.
27. Ong Kian Ming, *Undi tentera, polis tidak lagi memihak kepada BN*, 2018.
28. Komunikasi personal dengan seorang anggota polis kanan di Kuala Lumpur.
29. Izmil Amri, 2018, Di sebalik tewasnya Liew Chin Tong (Bahagian 1); Lu Wei Hoong. 2008. Tak pernah terlintas Umno Johor jadi pembangkang ; Kow Gah Chie & Jasmine Foong, 2018, Umno’s own silence over 1MDB led to defeat, says Syed Ali.
30. Shanon Teoh, Umno wins big in twin by-elections, 2016.
31. “London Financial Times predicts BN victory but expects a fight”, *The Star*, 20 April 2018. <https://www.thestar.com.my/business/business-news/2018/04/20/ft-predicts-bn-victory-but-expects-a-fight/> [30 Julai 2018].
32. Ram Anand, Najib pledges government support for Hadi’s Shariah Bill, 2016.
33. “Shariah bill will be tabled by government, says Zahid”, *Free Malaysia Today*, 18 Mac 2017. <http://www.freemalaysiatoday.com/category/nation/2017/03/18/shariah-bill-will-be-tabled-by-government-says-zahid/>. [14 Jun 2018].
34. Anne Muhammad & Zikri Kamarulzaman, Najib, Hadi join hands to protest Rohingya plight, 2016.
35. Arianna Michelle, Meeting Umno is PAS’s business, says defiant Hadi, 2015.
36. “Hadi: PAS sedia jadi penasihat k’jaan, bukan gila kuasa”, *Malaysiakini*, 1 November 2015, <https://www.malaysiakini.com/news/317982>. [18 Jun 2018].
37. Mohamad Fadli, Sudah terlambat, kami sedia lawan 3 penjur, PAS beritahu PKR, 2017.
38. Muhamad Takiyuddin Ismail & Amalin Sabiha, “Pasca PRU-13 dan Pembalikan Politik Lama”, 2016.
39. Zikri Kamarulzaman, Be loyal to gov’t and PM, Armed Forces chief tells troops and police, 2018.
40. Irwan Shafrizan Ismail, Undi dengan penuh tanggungjawab – KSN, 2018.
41. Anne Muhammad, Harapan mulls taking ROS to court over registration delay, 2017.
42. Azura Abas et. al., 2018, PBM dibubar sementara.
43. Arnold Loh, Langkawi mega-concert clashes with Dr M’s final GE14 ceramah, 2018.
44. Shakira Buang, BN menang besar setiap kali persempadanan, 2018.
45. Juani Munir Abu Bakar, Guna satu logo: Perlu kebenaran SPR, 2018.

46. "EC clarifies confusion over use of PKR logo", *The Star*, 8 April 2018, <https://www.thestar.com.my/news/nation/2018/04/08/ec-clarifies-confusion-over-use-of-pkr-logo/>. [17 Mei 2018].
47. "Improper, unnecessary' for Suhakam to observe GE14, says EC", *Malaysiakini*, 27 April 2018, <https://www.malaysiakini.com/news/421884> [30 Jun 2018].
48. Azura Abas et. al. 2018b, 1 NGO, 3 UA pemerhati PRU-14.
49. Temubual bersama tiga Pemerhati Rasmi SPR Parlimen Bentong pada hari penamaan calon, 28 April 2018, di Dewan Majlis Perbandaran Bentong.
50. Tarrence Tan & Victoria Brown. 2018. GE14 Nomination Day: Winners, losers and close calls.
51. Adrian Wong. 2018. Yes, EC officer in Rantau fiasco was ex-Umno leader, but....
52. Tarrence Tan & Victoria Brown. 2018. GE14 Nomination Day: Winners, losers and close calls. *The Star Online*, 28 April, <https://www.thestar.com.my/news/nation/2018/04/28/ge14-nomination-day-winners-losers-and-close-calls/> [29 Mei 2018].
53. Pemerhatian di Parlimen P.89 Bentong, Pahang dari 15 Mac 2018 ke 15 Mei 2019.
54. "TN Alagesh, Local boy to help BN regain Ketari state seat", *New Straits Times*, 20 April 2018, <https://www.nst.com.my/news/politics/2018/04/359505/local-boy-help-bn-regain-ketari-state-seat> [21 Jun 2018].
55. Pemerhatian secara berkala di Parlimen P.89 Bentong, Pahang dari 15 Mac 2018 ke 15 Mei 2019.
56. Pemerhatian kajian lapangan pasukan pemerhati UKM di Pusat Penjumlahan Undi Kuala Kangsar dan Seremban.
57. "Najib umum BR1M naik sekali ganda", *Malaysiakini*, 7 April 2018. <https://www.malaysiakini.com/news/418835> [11 Mei 2018].
58. Junhairi Alyasa, PM umum kenaikan gaji, pangkat penjawat awam dan ganjaran untuk pesara, 2018.
59. Hanis Zainal, Najib: 67,000 taxi drivers get RM800 each with 1Malaysia taxi welfare card, 2018.
60. "Thousands of taxi drivers to protest against SPAD", *The Star*, 22 Oktober 2015, <https://www.thestar.com.my/news/nation/2015/10/22/thousands-of-taxi-drivers-to-protest-against-spad/> [27 Julai 2018].
61. "MCMC ordered at least 11 ISPs to block M'kini GE14 sites", *Malaysiakini*, 19 Mei 2018, <https://www.malaysiakini.com/news/425819> [30 Jun 2018].
62. "BN's 'last-minute decisions led to its shocking defeat in GE14, says Merdeka Centre", 4 Jun 2018, <https://www.thestar.com.my/news/nation/2018/06/04/bns-last-minute-decisions-led-to-its-shocking->

- defeat-in-ge14-says-merdeka-centre/ [12 Ogos 2018].
63. Baharom Mahusin, Janji perjuangan 1,000 tahun yang menghampakan, 2018.
  64. Ida Lim, 2018, At 36.42, BN records lowest popular vote in history.; Abdul Rahim Sabri, 2018b, Khaled akui Umno silap, caci Mahathir punca tewas.
  65. Welsh, Tales of resilient Umno, jaded voters, and a boring opposition, 2017.
  66. Marina Mahathir, Marina Mahathir shares her GE14 campaigning experience on FB, 2018.
  67. Abdul Rahim Sabri, Hisham Rais dedah jalan berliku PH usung PKR ke Putrajaya, 2018.
  68. “Mahathir hampir bawa BERSATU keluar HARAPAN”, 25 Mei 2018, <https://www.malaysiakini.com/news/426802> [12 Ogos 2018].
  69. Komunikasi Personal dengan seorang anggota kempen Wan Saiful Wan Jan.
  70. “1 juta tonton video ‘pensyarah macam kena telan ubat gegat’”, 23 Mac 2018, <https://www.malaysiakini.com/news/416825> [10 September 2018].
  71. Mohsin Abdullah, The Magnetic Pull of Tun Mahathir, *The Edge Malaysia*, 7 Mei 2018.
  72. “Najib and Mahathir: The Final Speech”, 8 Mei 2018, <http://www.freemalaysiatoday.com/category/nation/2018/05/08/live-najib-and-mahathir-addressing-millions/> [6 Jun 2018].
  73. Marina Mahathir, Marina Mahathir shares her GE14 campaigning experience on FB; Ambiga Sreenevasan. 2018. A revolution through the ballot box, 2018.

## Rujukan

- Abdul Rahim Sabri. 2018. Hisham Rais dedah jalan berliku PH usung PKR ke Putrajaya. 16 Jun, <https://www.projekmm.com/s/1642518/hisham-raais-dedah-jalan-berliku-ph-usung-pkr-ke-putrajaya> [17 Jun 2018].
- Abdul Rahim Sabri. 2018b. Khaled akui Umno silap, caci Mahathir punca tewas. 30 Jun, <https://www.projekmm.com/s/1647178/khaled-akui-umno-silap-caci-mahathir-punca-tewas> [2 Julai 2018].
- Adrian Wong. 2018. Yes, EC officer in Rantau fiasco was ex-Umno leader, but.... *Malaysiakini*, 4 Mei, <https://www.malaysiakini.com/news/423037>. [30 Jun 2018].
- Ambiga Sreenevasan. 2018. A revolution through the ballot box, *The Malay Mail Online*, 17 Mei, <https://www.malaymail.com/s/1632023/a-revolution-through-the-ballot-box> [30 Julai 2018].
- Anne Muhammad & Zikri Kamarulzaman. 2016. Najib, Hadi join hands to

- protest Rohingya plight. *Malaysiakini*, 4 Disember <https://www.malaysiakini.com/news/365122>. [30 Jun 2018].
- Anne Muhammad. 2017. Harapan mulls taking ROS to court over registration delay. *Malaysiakini*, 30 Oktober. <https://www.malaysiakini.com/news/400009>. [30 Jun 2018].
- Arianna Michelle. 2015. Meeting Umno is PAS's business, says defiant Hadi. *Malaysian Review*, 7 June, <https://news.malaysianreview.com/12071/meeting-umno-is-pass-business-says-defiant-hadi/>. [30 Jun 2018].
- Arnold Loh. 2018. Langkawi mega-concert clashes with Dr M's final GE14 ceramah. *The Star Online*, 8 Mei, <https://www.thestar.com.my/news/nation/2018/05/08/langkawi-mega-concert-clashes-with-dr-m-s-final-ge14-ceramah/>. [30 Jun 2018].
- Azura Abas et. al.. 2018. PPBM dibubar sementara - KP ROS. *Berita Harian Online*, 5 April, <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2018/04/408000/ppbm-dibubar-sementara-kp-ros>. [30 Jun 2018].
- Azura Abas et. al. 2018. 1 NGO, 3 UA pemerhati PRU-14', *Berita Harian Online*, 10 April, <https://www.bharian.com.my/berita/politik/2018/04/410222/1-ngo-3-ua-pemerhati-pru-14>, [30 Jun 2018].
- Baharom Mahusin. 2018. Janji perjuangan 1,000 tahun yang menghampakan. *Kosmo Online*, 12 Mei, <http://www.kosmo.com.my/jurnal/janji-perjuangan-1-000-tahun-yang-menghampakan-1.671143> [3 Ogos 2018].
- Fathi Aris Omar & Abdul Rahim Sabri. 2018. Hisham Rais akui silap 'teori' Malaysia 'mesti pilih jalan raya. 18 Jun, <https://www.projekmm.com/s/1642943/hisham-rais-akui-silap-teori-malaysia-mesti-pilih-jalan-rya> [12 Ogos 2018].
- Hanis Zainal. 2018. Najib: 67,000 taxi drivers get RM800 each with 1Malaysia taxi welfare card. *The Star Online*, 13 April, <https://www.thestar.com.my/news/nation/2018/04/13/67000-taxi-drivers-get-rm800-each-with-1malaysia-taxi-welfare-card/>. [30 Jun 2018].
- Hunt, L. 2018. What Does Malaysia's Earthquake Election Mean for Democracy in Southeast Asia?'. 15 Mei, <https://thediplomat.com/2018/05/what-does-malaysias-earthquake-election-mean-for-democracy-in-southeast-asia/> [6 Jun 2018].
- Husin Mahat. 2018. Sah 'tsunami rakyat' tumbangkan BN, undi popular merudum di pusat, negeri. *Malaysia Dateline*, 18 Mei. <https://malaysiadateline.com/sah-tsunami-rakyat-tumbangkan-bn-undi-popular-merudum-di-pusat-negeri/> [8 Jun 2018].
- Ida Lim. 2018. At 36.42pc, BN records lowest popular vote in history. *The Malay Mail Online*, 11 Mei, [https://www.malaymail.com/s/1629546/at-36.42-pc-bn-records-lowest-popular-vote-in-history?utm\\_source=dlvr.it&utm\\_medium=facebook](https://www.malaymail.com/s/1629546/at-36.42-pc-bn-records-lowest-popular-vote-in-history?utm_source=dlvr.it&utm_medium=facebook) [19 Mei 2018].

- Irwan Shafrizan Ismail. 2018. Undi dengan penuh tanggungjawab – KSN. *Berita Harian*, 7 Mei, <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2018/05/422343/undi-dengan-penuh-tanggungjawab-ksn>, [30 Jun 2018].
- Iwan Shu-Aswad Shuaib. 2018. Pandangan ikhlas saya untuk rakyat Johor yang saya sayangi – TMJ. *mStar* 8 April, <http://www.mstar.com.my/berita/berita-semasa/2018/04/08/tmj-rakyat/> [17 September 2018].
- Izmil Amri. 2018. Di sebalik tewasnya Liew Chin Tong (Bahagian 1). *Rocketkini*, 28 Mei, <https://www.rocketkini.com/2018/05/28/di-sebalik-tewasnya-liew-chin-tong-bahagian-1/> [11 Ogos 2018].
- Janet Steele. 2018. Media and Transition:Lessons from Indonesia. Seminar Umum di University of Nottingham Teaching Centre, Kuala Lumpur, 13 Julai. Jimadie Shah Othman. 2010. Perkasa akan terus tentang Malaysian Malaysia. *Malaysiakini*, 27 Mac, <https://www.malaysiakini.com/news/127645> [2 Jun 2018].
- Joceline Tan. 2018. The night the earth moved, *The Star*, 10 Mei.
- Juani Munir Abu Bakar. 2018. Guna satu logo: Perlu kebenaran SPR', *Utusan Malaysia*, 7 April 2018, <http://m.utusan.com.my/berita/nasional/guna-satu-logo-perlu-kebenaran-spr-1.643754>. [30 Jun 2018].
- Junhairi Alyasa. 2018. PM umum kenaikan gaji, pangkat penjawat awam dan ganjaran untuk pesara'. *Kosmo Online*, 4 April. <http://www.kosmo.com.my/terkini/pm-umum-kenaikan-gaji-pangkat-penjawat-awam-dan-ganjaran-untuk-pesara-1.641441>. [30 Jun 2018].
- Koh Jun Lin. 2018. Undi rosak PRU14 antara terendah walaupun ada gerakan UndiRosak. *Malaysiakini*, 16 Mei, [https://www.malaysiakini.com/news/425154?utm\\_source=dlvr.it&utm\\_medium=facebook](https://www.malaysiakini.com/news/425154?utm_source=dlvr.it&utm_medium=facebook) [11 Julai 2018].
- Kow Gah Chie & Jasmine Foong. 2018. Umno's own silence over 1MDB led to defeat, says Syed Ali, *Malaysiakini*, 2 Jun, [https://www.malaysiakini.com/news/427936?utm\\_source=dlvr.it&utm\\_medium=facebook](https://www.malaysiakini.com/news/427936?utm_source=dlvr.it&utm_medium=facebook) [14 Julai 2018].
- Kow Gah Chie. 2018. Change gov't now or wait 20 years, warns Kit Siang. *Malaysiakini*, 28 Januari, <https://www.malaysiakini.com/news/410298> [11 Mei 2018].
- Lu Wei Hoong. 2018. Tak pernah terlintas Umno Johor jadi pembangkang. *Malaysiakini*, 27 Mei 2018, [https://www.malaysiakini.com/news/427042?utm\\_source=dlvr.it&utm\\_medium=facebook](https://www.malaysiakini.com/news/427042?utm_source=dlvr.it&utm_medium=facebook) [14 Ogos 2018].
- Marina Mahathir. 2017. Marina Mahathir shares her GE14 campaigning experience on FB. *The Star Online*, 15 Mei, <https://www.thestar.com.my/news/nation/2018/05/15/marina-mahathir-pens-her-thoughts-after-ge14/> [1 Ogos 2018].
- Marzuki Mohamad. 2017. Najib doesn't have GE14 in the bag. 18 Oktober, <http://www.newmandala.org/najib-doesnt-have-ge14-bag/> [1 Ogos 2018].

- Marzuki Mohamad. 2017b. BN's dicey situation in Johor. *Free Malaysia Today*, 18 Disember, <http://www.freemalaysiatoday.com/category/opinion/2017/12/18/bns-dicey-situation-in-johor/> [1 Ogos 2018].
- Mauzy, D. K., & Barter, S. J. 2008. Learning to lose? Not if UMNO can help it. Dalam Edward Friedman & Joseph Wong (Eds.), *Political transitions in dominant party systems: Learning to lose..* London: Routledge.
- Mohamad Fadli. 2017. Sudah terlambat, kami sedia lawan 3 penjur, PAS beritahu PKR. *Free Malaysia Today*, 18 Ogos, <http://www.free-malaysiatoday.com/category/bahasa/2017/08/18/sudah-terlambat-kami-sedia-lawan-3-penjuru-pas-beritahu-pkr/>. [30 Jun 2018].
- Mohsin Abdullah. 2018. The Magnetic Pull of Tun Mahathir. *The Edge Malaysia*, 7 Mei.
- Muhamad Takiyuddin Ismail & Amalin Sabiha. 2016. "Pasca PRU-13 dan Pembalikan Politik Lama". Dalam Muhamad Takiyuddin Ismail & Sity Daud (pnyt.). *PRU-13: Kesenambungan Politik Baharu, Kekentalan Politik Lama*. Sintok: Universiti Utara Malaysia Press.
- Ong Kian Ming. 2018. Undi tentera, polis tidak lagi memihak kepada BN. *Roketkini*, 18 Mei, <https://www.roketkini.com/2018/05/18/undi-tentera-polis-tidak-lagi-memihak-kepada-bn-dr-ong-kian-ming/> [24 Mei 2018].
- Ottaway, M. 2003. *Democracy Challenged: The Rise of Semi-Authoritarianism*. Washington, DC: Carnegie Endowment for International Peace.
- Ram Anand. 2016. Najib pledges government support for Hadi's Shariah Bill. *The Malay Mail Online*, 1 Disember, <https://www.malaymail.com/s/1262407/najib-pledges-government-support-for-hadis-shariah-bill>. [30 Jun 2018].
- Ram Ahmad. 2018. Invoke:PH dijangka menang 111 parlimen, rampas lima lagi negeri. 7 Mei, <https://www.msn.com/en-my/news/myge14/invoke-ph-dijangka-menang-111-parlimen-rampas-lima-lagi-negeri/ar-AAwSBRS> [26 Mei 2018].
- Schdler, A. 2002. Elections without Democracy: The Menu of Manipulation. *Journal of Democracy*, 13 (2), 36-50.
- Shadi Hamid. 2018. What Democracies Can Learn From Malaysia. 16 Mei, <https://www.theatlantic.com/international/archive/2018/05/malaysia-democracy-najib/560534/> [1 Jun 2018].
- Shakira Buang. 2018. BN menang besar setiap kali persempadanan. *Malaysiakini*. 31 Mac. <https://www.malaysiakini.com/news/417859>. [30 Jun 2018].
- Shanon Teoh. 2016. Umno wins big in twin by-elections. *The Straits Times*, 19 Jun. <https://www.straitstimes.com/asia/se-asia/umno-wins-big-in-twin-by-elections>. [30 Jun 2018].
- Tarrence Tan & Victoria Brown. 2018. GE14 Nomination Day: Winners, losers



- and close calls. *The Star Online*, 28 April, <https://www.thestar.com.my/news/nation/2018/04/28/ge14-nomination-day-winners-losers-and-close-calls/>. [30 Jun 2018].
- Thor Kah Hoong. 2018. The mother of all defeats. *Malaysiakini*, 18 Mei, <https://www.malaysiakini.com/columns/425538> [30 Jun 2018].
- Welsh, B. 2017. Tales of resilient Umno, jaded voters, and a boring opposition. 18 Disember, <http://bridgetwelsh.com/2017/12/tales-of-a-resilient-umno-jaded-voters-and-a-boring-opposition/> [7 Julai 2018].
- Zikri Kamarulzaman. 2018. Be loyal to gov't and PM, Armed Forces chief tellstroopsandpolice. *Malaysiakini*, 31 Mac, <https://www.malaysiakini.com/news/417824>. [30 Jun 2018].
- Zin Mahmud. 2018. Reset, restart, refresh selepas Revolusi Rakyat. *Free Malaysia Today*, 15 Mei, <http://www.freemalaysiatoday.com/category/opinion/2018/05/15/reset-restart-refresh-selepas-revolusi-rakyat/> [19 Jun 2018].
- Zurairi AR. 2018. GE14 results:How it went so wrong for pundits. *The Malay Mail Online*, 29 Jun, <https://www.malaymail.com/s/1646711/ge14-results-how-it-went-so-wrong-for-pundits> [6 September 2018].